

# 'Diminta' pergi ke luar negara

UM - 2/10/2019 ml: 10

**KUALA LUMPUR 1 Okt.** - Saksi pendakwaan kesembilan, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa beliau telah 'diminta' untuk melancang pada tarikh yang sama dipanggil untuk menghadiri mesyuarat prosiding siasatan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada tahun 2015.

'Permintaan' tersebut disampaikan kepadanya oleh bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy.

"Sekitar 2015, ketika saya bersama Arul, beliau (Arul) mendapat panggilan telefon. Kemudian, Arul beritahu saya yang PMO (Pejabat Perdana Menteri) 'meminta' kami untuk pergi ke luar negara pada tarikh kami sepatutnya menghadiri mesyuarat PAC. Saya kemudian memutuskan untuk ke Singapura pada tarikh tersebut," katanya.

Ditanya oleh Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram, siapa PMO yang dimaksudkan, saksi pendakwaan kesembilan itu menjawab, "Tidak tahu".

Shahrol Azral bagaimanapun memberitahu dalam tahun yang sama, beliau pernah menghadiri mesyuarat PAC dan telah diberikan 'soalan bocor' oleh beberapa ahli jawatankuasa tersebut.

"Saya menerima arahan untuk pergi ke rumah Datuk Farid Ridzuan yang merupakan indi-



**NAJIB TUN RAZAK** ketika hadir prosiding kes 1MDB di Mahkamah Tinggi, Jalan Duta, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR

vidu yang bertanggungjawab membina imej untuk Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Saya ke rumah itu beberapa kali dan ada beberapa sesi di rumah Datuk Farid, beberapa ahli mesyuarat PAC turut berada di rumah berkenaan. Mereka akan memberikan jenis-jenis soalan yang akan ditanya dan apa yang akan ditulis dalam laporan itu kelak.

"Bekas Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin juga ada menghadiri satu sesi yang diadakan selepas mesyuarat itu diadakan.

Beliau memaklumkan mengenai pandangan jawatankuasa itu dan laporan yang akan dibuat," katanya.

Menceritakan mengenai mesyuarat PAC yang dihadiri pada 2010, Shahrol Azral memberitahu, ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho ada memberikannya nota maklumat berhubung perkara yang akan di-sentuh pada mesyuarat itu.

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung Isnin ini untuk sesi soal balas.